

PERASAAN TERHADAP ETNIK LAIN DI MALAYSIA: KAJIAN TINJAUAN TERHADAP PELAJAR USIM

Khadijah Muda
*Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia*

ABSTRAK

Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan berkenaan perasaan umum pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap etnik lain di Malaysia. Objektif kajian adalah mengenal pasti perasaan pelajar USIM terhadap etnik lain. Perasaan yang diukur adalah perasaan suka, marah, cemburu, terancam dan layanan yang diberikan. Kaedah yang digunakan adalah secara keratan rentas menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu soal selidik diedarkan secara atas talian kepada 234 orang pelajar USIM tahun satu. Pelajar dipilih menggunakan kaedah pensampelan berkelompok dari pelbagai fakulti. Hasil dapatan menunjukkan secara puratanya bagi kelima-lima soalan menunjukkan perasaan pelajar USIM terhadap etnik lain di Malaysia adalah positif iaitu rasa suka pada etnik lain lebih tinggi dari perasaan negatif.

Kata kunci: perasaan, etnik, perpaduan

PENGENALAN

Perasaan merupakan sesuatu yang terjadi dalam diri manusia disebabkan oleh fikiran dan persekitaran sekeliling. Perasaan terhadap etnik lain boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengukur tahap persepsi, prejudis, diskriminasi yang boleh mengundang isu-isu yang bersifat perkauman. Perasaan positif selalunya akan diterjemahkan dalam bentuk sikap atau tingkah laku yang positif dan begitulah sebaliknya. Kajian ini ingin melihat perasaan dalam diri pelajar USIM terhadap etnik lain di Malaysia kerana pelajar USIM rata-rata adalah pelajar aliran agama yang majoritinya dikelilingi oleh persekitaran yang sama etnik dan sama agama kepercayaan dan budaya. Maka, tahap interaksi antara kaum adalah terhad dan terbatas dan boleh dikatakan hanya sekadar bertemu dan berjumpa, namun tidak berhubung. Maka, kajian ini ingin melihat sejauh mana persepsi pelajar USIM terhadap etnik lain di Malaysia. Adakah mereka suka pada etnik lain? Wujud rasa marah bila isu perkauman dimainkan? Rasa terancam dengan etnik lain? Rasa cemburu dengan etnik lain? Rasa kerajaan tidak bersikap adil antara etnik?

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti perasaan pelajar tahun pertama USIM terhadap etnik lain di Malaysia. Secara khususnya, perasaan yang dilihat adalah sama ada suka atau tidak suka, marah atau tidak marah, cemburu atau tidak cemburu, rasa terancam atau tidak dan rasa dilayan dengan adil atau tidak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara keratan rentas menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu soal selidik secara atas talian diedarkan kepada pelajar USIM tahun pertama. Pemilihan sampel menggunakan pensampelan berkelompok iaitu beberapa kelompok kumpulan yang terpilih secara rawak daripada Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Soal selidik dibangunkan sendiri oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian. Soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:-

B1. Perasaan saya pada kaum lain sebagai rakyat Malaysia

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Tidak suka	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Suka

B2. Rasa marah pada kaum lain apabila timbulnya isu yang melibatkan kaum saya

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Marah	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Tidak marah

B3. Layanan yang diberikan antara saya dan etnik lain oleh kerajaan Malaysia

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Tidak adil	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Layanan yang sama

B4. Rasa cemburu dengan keistimewaan kaum lain

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Tidak cemburu	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Cemburu

B5. Rasa terancam dengan kaum lain

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Terancam	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Tidak terancam

Hasil Kajian

Dapatan kajian terhadap 234 orang pelajar USIM tahun pertama menunjukkan umur mereka secara majoritinya adalah 20 tahun, diikuti 22 dan 21 tahun. Responden kajian majoritinya adalah

perempuan dan hampir sama antara yang berada di bandar dan luar bandar. Hasilnya dapat dilihat seperti jadual di bawah.

Jadual 1: Latar belakang responden


Kategori		Kekerapan, N (%)
Umur	19	4 (1.7)
	20	148 (63.2)
	21	34 (14.5)
	22	37 (15.8)
	23	9 (3.8)
	24	0 (0)
	25	1 (0.4)
	26	1 (0.4)
Jantina	Lelaki	58 (24.8)
	Perempuan	176 (75.2)
Tempat tinggal	Bandar	111 (47.4)
	Luar bandar	123 (52.6)

Pandangan tentang perpaduan kaum di Malaysia

Tahap keseluruhan perasaan pelajar USIM terhadap etnik lain adalah majoritinya berada pada tahap sederhana.


Jadual 2: Tahap keseluruhan perasaan terhadap etnik lain

Tahap	Kekerapan, N (%)
Rendah	7 (3.0)
Sederhana	141 (60.3)
Tinggi	86 (36.8)



Rajah 1: Perasaan terhadap etnik lain

Hasil dapatan bagi setiap item ditunjukkan seperti graf di bawah. Bagi item pertama adalah perasaan responden kepada etnik lain sebagai rakyat Malaysia.



1. Rasa suka terhadap etnik lain sebagai rakyat Malaysia

Hasilnya menunjukkan majoriti rasa suka. Dari skala 1 hingga 10, responden majoriti memberikan skala 8/10 diikuti 7/10, 10/10 dan 9/10. Ini menunjukkan semua responden kecuali 25 orang responden yang memberikan skala 1 hingga 5 iaitu boleh dikategorikan sebagai tidak suka.

2. Rasa marah pada etnik lain apabila timbulnya isu yang melibatkan etnik responden

Rata-rata responden rasa marah apabila isu yang melibatkan etnik mereka dimainkan oleh etnik lain. Isu perkauman memang isu sensitif yang boleh menimbulkan kemarahan bagi sesiapa sahaja yang berfikiran normal. Walau bagaimana pun seramai 77 orang yang menjawab tidak marah walaupun timbul isu berkenaan etnik mereka.

3. layanan yang sama rata antara etnik oleh kerajaan Malaysia

Responden merasakan bahawa layanan yang sama rata telah diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada mereka dan etnik lain. Majoriti memberikan skala 8/10, diikuti skala 9/10 dan 10/10 serta 7/10. Ini menunjukkan bahawa tiada rasa ketidakadilan berlaku dalam kalangan pelajar USIM oleh kerajaan Malaysia.

4. Tiada rasa cemburu kepada etnik lain

Responden merasakan bahawa mereka tidak cemburu dengan etnik lain. Majoriti memberikan skala 6/10, diikuti 10/10. Ini menunjukkan bahawa responden tidak rasa cemburu, namun rasa tidak cemburu itu tidak terlalu tinggi. Ini bermakna. Walaupun tidak rasa cemburu dengan etnik lain, namun bibit-bibit cemburu itu tetap wujud.

5. terancam dengan etnik lain

Apabila diajukan soalan tentang rasa terancam dengan etnik lain, majoritinya memberikan skala 5/10, diikuti skala 8/10. Ini bermakna majoriti rasa berbelah bahagi sama ada terancam dan tidak terancam. Walaupun rasa tidak terancam, namun perancam terancam tetap wujud terhadap etnik lain.

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa walaupun perasaan pelajar USIM tahun pertama terhadap etnik lain di Malaysia adalah positif. Mereka rasa suka terhadap etnik lain sebagai rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Walaupun suka, namun apabila isu yang melibatkan etnik tercetus, perasaan marah tetap tinggi dalam kalangan responden. Responden merasakan layanan yang adil antara etnik oleh kerajaan Malaysia dan tidak berapa timbul perasaan cemburu oleh majoriti responden. Akhir sekali, rasa terancam dan tidak terancam dengan etnik lain wujud dalam diri pelajar USIM tahun pertama.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS). Tajuk penyelidikan: Pembinaan indeks pengetahuan, pemahaman dan penghayatan kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Kod projek: FRGS/1/2019/SS06/USIM/03/2.